

Headline	Pasar Tani Kekal Kerteh dibuka		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	11 Apr 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	35	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	343 cm <sup>2</sup>
Journalist	RAIHAM MOHD SANUSI	AdValue	RM 2,403
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,209



# Pasar Tani Kekal Kerteh dibuka

*Beroperasi setiap hari dari jam 7 pagi hingga 6 petang*

RAIHAM MOHD SANUSI

KERTEH



MOHAMMAD

**P**asar Tani Kekal Kerteh bernilai RM2 juta yang telah siap dibina sepenuhnya mula dibuka semalam dan akan beroperasi setiap hari dari jam 7 pagi hingga 6 petang.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Daerah Kemaman, Mohammad Ismail berkata, asar berkenaan boleh memuatkan seramai

50 peniaga dalam satu-satu masa namun setakat ini hanya 36 orang yang dah meniaga dan ia akan bertambah dari semasa ke semasa.

Menurutnya, pembukaan pasar tani kekal itu menamatkan penantian peniaga yang mengimpikan sebuah pasar kekal bagi memudahkan mereka mencari rezeki.

Katanya, pasar tani di ka-



Kemudahan kerusi meja turut disediakan di ruang niaga Pasar Tani Kekal Kerteh yang membolehkan orang ramai menjamu selera.

wasan berkenaan mula wujud sejak 1990 dan ia semakin berkembang dengan menyaksikan pertambahan peniaga dan pengunjung saban tahun

“Setelah berdekad, tapak pasar tani ini memang menjadi tumpuan orang ramai untuk dapatkan barang keperluan harian.

“Dengan pembukaannya, orang ramai boleh berbelanja barang keperluan harian tidak terhad pada Jumaat sahaja sebab ia dibuka setiap hari mulai

hari ini (semalam),” katanya.

Pasar Tani Kekal Kerteh menjual pelbagai barangan keperluan termasuk ayam dan daging, ikan dan hasil laut, sayur-sayuran, buah-buahan dan barang runcit.

Katanya, pasar itu membolehkan peniaga berniaga dalam keadaan sangat selesa, bersih dan selamat.

“Kalaupun sebelum ini peniaga perlu memasang payung, pasang meja dan susun jualan dan selepas bemiaga kena kemahnya semula namun kini mereka tidak perlu berbuat demikian lagi,” katanya.

Mohammad menyeru orang ramai untuk datang beramai-ramai ke Pasar Tani Kekal Kerteh setiap hari kerana harga barangan dijual lebih rendah antara lima hingga 20 peratus dari harga pasaran di bawah Program Jimat Belanja Dapur 2018.